

Ketua Pengarah JKKN Lawat PBS

Pusat Budaya dan Seni -PBS

Wed 11/10/2017 12:26 PM

To:UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

11 OKTOBER 2017, RABU | 21 MUHARAM 1439H



HEP: Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara (JKKN) Tan Sri Norliza Rofli telah melakukan lawatan ke Pusat Budaya dan Seni pada 7 Oktober lalu.

Beliau dalam rangka lawatan kerja sehari sempena Program Myseni Budaya Mek Mulung @ Sintok telah tiba di perkarangan Kompleks Budaya Hashim Yasin kira-kira 10.30 pagi.

Ketibaan beliau disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah JKKN Dato' Mod Zaky Haji Din, Pengarah Pusat Budaya dan Seni (PBS) Huzaidy Haji Hussain dan Timbalan Pengarah JKKN Kedah Mazlan Ahmad serta kakitangan PBS.

Tan Sri Norliza seterusnya menghadiri raptai perasmian persembahan Mek Mulung yang diadakan di Dataran Budaya Kompleks Budaya Hashim Yasin.

Selepas tamat raptai persembahan, beliau telah dibawa melawat ke PBS untuk melihat kemudahan dan perkhidmatan yang di tawarkan oleh PBS kepada pelajar.

Antara tempat-tempat yang dikunjungi adalah seperti galeri seni, studio muzik, studio rakaman, studio foto, Dewan Budi Siswa dan ruang pejabat PBS.

Semasa sesi lawatan tersebut, beliau telah diberi taklimat pelaksanaan amalan 5S dalam bidang seni budaya oleh Pengarah PBS Huzaidy Hussain.

Tan Sri Norliza amat mengagumi usaha PBS dalam pelaksanaan amalan 5S di tempat kerja dan beliau berhasrat untuk mempraktikan di Jabatannya.

Dalam salah satu ucapannya, beliau memberitahu terdapat pelan besar JKKN yang dirancang bersama UUM iaitu program kerjasama kebudayaan pada masa hadapan antaranya konsert Mek Mulung, Persembahan Koir Kebangsaan dan pelbagai program jangkauan seni budaya.

Selepas melawat PBS, beliau dibawa mengikuti program Discover UUM untuk menyaksikan keindahan UUM lebih dekat.

Antara tempat-tempat yang dikunjungi ialah Dewan Mu'adzam Shah, taman rusa, padang golf dan tasik UUM.

Acara lawatan beliau berakhir dengan sesi bergambar bersama kakitangan PBS kira-kira jam 1.00 petang.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215
FAKS : 04-928 4222
EMAIL : pbs@uum.edu.my
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.